

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kementerian perlu membuat satu kajian terperinci untuk sekolah-sekolah yang daif terutamanya tandas. Ini adalah kerana kebanyakan sekolah masih tidak mempunyai sistem tandas yang lengkap, di mana bekalan elektrik tidak sempurna, bekalan air tidak mencukupi, sistem kumbahan tidak dirawat dan diperbaiki, kebersihan tandas tidak terjamin dan berbau. Tandas masih tidak selesa untuk kegunaan murid-murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha memastikan semua rakyat Malaysia menikmati ruang yang kondusif untuk pembelajaran. KPM juga konsisten dalam memastikan proses pembelajaran murid-murid bersifat inklusif kepada semua. Pelaksanaan program pembangunan semula sekolah daif akan terus menjadi keutamaan. Ke arah itu, KPM telah mengenal pasti dan membuat semakan terperinci terhadap sekolah-sekolah yang memerlukan pembaikan. Keutamaan diberikan kepada sekolah yang telah mendapat pengesahan tidak selamat daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pembangunan semula dan naik taraf sekolah daif di Semenanjung, Sabah dan Sarawak secara asasnya merangkumi beberapa skop pembinaan seperti pembinaan bilik darjah, asrama, dewan makan, dewan belajar, bilik sains, blok pentadbiran, rumah guru dan tandas. Daripada 577 buah projek sekolah daif di seluruh negara, sebanyak 293 projek sekolah daif telah dilaksanakan dari tahun 2016 sehingga 2019 yang melibatkan skop pembinaan tandas. Kos keseluruhan bagi pembinaan sekolah daif yang melibatkan skop pembinaan tandas ini berjumlah RM853 juta.

Sekian, terima kasih.